



## جابتن آكام إسلام فھع

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH DI MASJID SELURUH NEGERI PAHANG DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

---

#### **1. TUJUAN :**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada bakal pengantin, pentadbir masjid serta pihak-pihak yang terlibat bagi melaksanakan majlis akad nikah di masjid-masjid dalam Negeri Pahang.

#### **2. OBJEKTIF :**

Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan setiap pelaksanaan majlis akad nikah yang ingin dilaksanakan di masjid agar dapat mematuhi segala ketetapan yang ditentukan oleh Jabatan Agama Islam Pahang.

#### **3. PENGAWALAN MAJLIS SECARA UMUM**

- i. Memastikan masjid tersebut telah dilaksanakan aktiviti nyahkuman.
- ii. Memastikan semua yang hadir adalah sihat dan tiada simptom penyakit seperti demam ,batuk, dan masalah pernafasan.
- iii. Semua yang hadir pada majlis akad nikah berkenaan hendaklah didaftarkan nama, alamat semasa serta nombor telefon bagi tujuan rekod.

- iv. Memastikan yang hadir memakai pelitup mulut, telah disaring suhu dan disemburkan hand sanitizer
- v. Mengelakkan antara individu berlakunya sentuhan dan memenuhi penjarakan sosial iaitu sekurang-kurangnya satu meter.
- vi. Meminimalkan perkumpulan orang ramai.

#### **4. GARIS PANDUAN MAJLIS AKAD NIKAH DI MASJID**

Akad nikah boleh dilaksanakan di masjid dengan mematuhi tatacara sepertimana berikut :

- i. Mematuhi dan tertakluk kepada garis panduan wajib yang ditetapkan oleh pihak masjid dan pihak berkuasa.
- ii. Mengemukakan permohonan dan telah mendapat kebenaran pentadbir masjid terlebih dahulu sebelum menggunakan ruang masjid.
- iii. Pentadbir masjid bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengikuti tatacara yang ditetapkan berkaitan tempat pelaksanaan majlis manakala wali hakim / jurunikah dipertanggungjawabkan pula bagi pematuhan tatacara dari sudut majlis akad nikah yang dilaksanakan.
- iv. Pemohon perlu membayar caj pengurusan dan perkhidmatan yang telah ditentukan oleh pihak pentadbir masjid.
- v. Semua yang hadir perlu menjaga adab-adab di kawasan dan di dalam masjid
- vi. Kehadiran dalam majlis akad nikah tidak melebihi 50 orang atau bergantung kepada ruang yang dibenarkan oleh pentadbir masjid.
- vii. Hanya menggunakan ruang yang telah ditentukan sahaja.

- viii. Jamuan hanya dibenarkan dalam bentuk bungkusan sahaja (*pack food*).
- ix. Penggunaan masjid bagi majlis akad nikah dihadkan kepada satu permohonan sahaja bagi satu-satu sesi.
- x. Waktu yang dibenarkan untuk majlis akad nikah sebagaimana cadangan berikut:

<b>Sesi 01</b> 9.00-10.00 pagi	<b>Sesi 02</b> 11.12.00 tgh
<b>Sesi 03</b> 02.00-03.00 ptg	<b>Sesi 04</b> 05.00-06.00 ptg

- xi. Hanya 30 minit sahaja masa diperuntukkan bagi setiap sesi untuk menyelesaikan majlis akad nikah
- xii. Majlis pertukaran hantaran dan acara-acara adat tidak dibenarkan dilaksanakan di dalam masjid.
- xiii. Penggunaan masjid untuk majlis akad nikah pada waktu malam tidak dibenarkan.
- xiv. Pengantin dan rombongan perlu meninggalkan masjid setelah tamat waktu yang telah diperuntukkan.

Hanya masjid-masjid yang telah diberikan kebenaran mendirikan solat Jumaat atau fardu sahaja diberikan kebenaran untuk menerima pelaksanaan majlis akad nikah di masjid. Sekiranya berlaku perubahan dan arahan tertentu berkaitan penggunaan masjid daripada pihak berkuasa, maka pelaksanaan majlis akad nikah perlulah ditukar ke tempat lain.

## **6. PENUTUP**

Semoga tatacara ini dipatuhi dan dapat membantu semua pihak yang terlibat untuk melaksanakan majlis akad nikah selari dengan saranan yang telah dikeluarkan. Segala kepatuhan terhadap tatacara yang telah ditetapkan akan dipertanggungjawabkan kepada pentadbir masjid serta serta wali hakim / jurunikah yang terlibat.

<b>Bil.</b>	<b>Tanggungjawab</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Dokumen</b>
-------------	----------------------	-----------------	----------------

1.	Pemohon	Pemohon menguruskan permohonan kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Islam Daerah	Borang Akad Nikah
		Membuat temu janji dengan wali hakim / jurunikah	
		Membuat permohonan pelaksanaan Majlis Akad Nikah di Masjid kepada pentadbir masjid.	Borang / surat permohonan pelaksanaan majlis akad nikah
		Pemohon membawa bersama senarai kehadiran tetamu bagi Majlis Akad Nikah. (had maksimum kehadiran adalah seramai 50 orang sahaja)	
		Pemohon membayar caj perkhidmatan kepada pentadbir masjid.	Resit bayaran
		Pemohon boleh menyediakan jamuan dalam bentuk bungkusan ( <i>food pack</i> ).	
2.	Pentadbir masjid	Menyusunatur jadual pelaksanaan aktiviti masjid dan sesi permohonan majlis akad nikah di masjid agar tiada pertembungan waktu.	
			Borang / surat kelulusan

		<p>Pentabdir masjid bersedia untuk mematuhi garis panduan pelaksanaan majlis akad nikah di masjid yang telah ditetapkan apabila bersedia memberikan sesuatu kelulusan pelaksanaan majlis akad nikah di masjid.</p>	<p>pelaksanaan majlis akad nikah (diserah kepada pemohon dan sesaliran simpanan bagi rekod masjid)</p>
		<p>Melantik sekurang-kurangnya seorang AJK atau wakil bagi menguruskan pelaksanaan majlis akad nikah yang akan dilaksanakan di masjid.</p>	
		<p>Pentabdir masjid atau wakil yang dilantik oleh pihak masjid perlu menyediakan keperluan yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan majlis serta dipertanggungjawabkan bagi semua pihak yang hadir untuk mematuhi tatacara pelaksanaan majlis akad nikah seperti :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Menetapkan ruang bagi pelaksanaan majlis akad.</li> <li>ii. Merekod dan mengambil catatan suhu badan bagi setiap individu yang hadir .</li> <li>iii. Penyediaan <i>handsanitizer</i> (penyahkuman)</li> <li>iv. Pemakaian pelitup muka (<i>facemask</i>).</li> <li>v. Memastikan penjarakan sosial dilaksanakan.</li> </ol>	<p>Merekod nama, no. telefon, alamat serta catatan suhu semua yang hadir.</p>

		vi. Menyusun atur kedudukan majlis akad.	
		Pentadbir masjid mengeluarkan resit bayaran bagi caj perkhidmatan penggunaan masjid kepada pengantin.	Resit terimaan bayaran
		Pentadbir masjid menentukan ruang pelaksanaan untuk majlis akad nikah.	
		Pentadbir masjid menyediakan ruang untuk jamuan makan sekiranya pemohon ada menyediakan jamuan.	
		Melakukan sanitasi / disinfeksi pada setiap ruang yang digunakan sebelum dan selepas majlis.	
3.	Wali Hakim / Jurunikah	Melaksanakan majlis akad tidak melebihi 30 minit.	Borang Akad
		Menangguhkan pelaksanaan majlis akad nikah sekiranya ada pihak-pihak yang tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan.	